CE 0168

www.lgmobile.com

P/N : MMBB0312113 (1.0)

KP275 Panduan Pengguna

LG ELECTRONICS INC.

KP275

LG

Bahasa Melayu

简 体 中 文

E N G L I S H

Bluetooth QD ID B014492

LG

Sesetengah kandungan dalam manual ini mungkin berbeza daripada telefon anda bergantung pada perisian telefon atau pembekal khidmat anda.

KP275 Panduan Pengguna | Bahasa Melayu

Tahniah kerana membeli telefon KP275 LG yang canggih dan kompak, yang direka bentuk dengan teknologi komunikasi digital mudah alih yang terkini.

PERSEDIAN 01
SKRIN SIAP SEDIA ANDA 02
ASAS 03
JADI KREATIF 04
JADI TERATUR 05
PELAYAR 06
TETAPAN 07
AKSESORI 08

Kandungan

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien 7

01 PERSEDIAN

Mengenali telefon anda 13
Paparan terbuka 14
Memasang USIM dan bateri 15
Kad memori 18
- Memasang kad memori 18
- Mengeluarkan kad memori 18
- Format kad memori 18

Peta menu 19

02 SKRIN SIAP SEDIA ANDA

Skrin siap sedia anda 20
- Bar status 20

03 ASAS

Panggilan 21
- Membuat panggilan 21
- Membuat panggilan daripada kenalan anda 21
- Menjawab dan menolak panggilan 21
- Membuat panggilan video 21
- Dailan cepat 22
- Melihat log panggilan 22
- Menggunakan alihan panggilan 23
- Mengguna sekatan panggilan 23
- Menukar tetapan panggilan 24
- Menukar tetapan biasa panggilan 24
- Tetapan panggilan video 25

Kenalan 26
- Mencari kenalan 26
- Menambah kenalan baru 26
- Pilihan kenalan 26
- Menambah kenalan kepada kumpulan 27
- Menamakan semula kumpulan 27
- Menambah gambar kepada kenalan 28
- Menyalin kenalan anda kepada USIM anda 28
- Memaparkan maklumat 28

Mesej 29
- Mesej 29
- Menghantar mesej 29
- Memasukkan teks 29
- Mod input teks menggunakan pad kekunci 30
- Menyediakan e-mel anda 30
- Menghantar e-mel menggunakan akaun baru anda 30
- Folder mesej 30
- Menguruskan mesej 31
- Menggunakan templat 32
- Menukar tetapan mesej teks anda 32
- Menukar tetapan mesej multimedia anda 32
- Menukar tetapan e-mel anda 33
- Menukar tetapan lain 34

04 JADI KREATIF

Kamera 35
Menangkap foto pantas 35
Sebelum anda mengambil foto anda 35
Sesudah mengambil gambar 36
Menukar saiz imej 36
Melihat foto yang disimpan 36
Tetapkan satu foto sebagai skrin Laman Utama atau imej Kenalan 37
Kamera Video 38
Menangkap video pantas 38
Selepas anda telah menangkap video 38
Melihat video anda yang disimpan 38
Muzik 39
Muzik 39
Memindahkan muzik pada telefon anda 39
Memainkan lagu 39
Menggunakan pilihan semasa memainkan muzik 40
Membuat senarai main 40
Memainkan senarai main 40
Mengedit senarai main 41
Memadam senarai main 41
Radio FM 42
Menggunakan radio 42
Mencari stesen 42
Mengedit saluran 42
Menetapkan kembali saluran 43
Menggunakan perakam suara 43
Menghantar rakaman suara 43
Bahan saya 44
Imej 44
Menu pilihan imej saya 44
Menghantar foto 45
Menguruskan imej anda 45
Memadamkan imej 45
Menyemak status memori anda 45
Bunyi 45
Menggunakan bunyi 46
Video 46
Menonton video 46
Menggunakan pilihan semasa menonton video 46
Menghantar klip video 46
Menggunakan menu pilihan video 47
Permainan & aplikasi saya 47
Memainkan permainan 47
Menggunakan menu pilihan permainan 47
Lain-lain 48
Kad memori saya 48
Permainan dan Aplikasi 49
Permainan dan Aplikasi 49
Memainkan permainan. 49
Yahoo 50

Kandungan

05 JADI TERATUR

Pengatur 51
- Menambah peristiwa padakalendar anda 51
- Mengedit peristiwa kalendar 51
- Menambah tugasan 52
- Menambah memo 52
- Memo rahsia 52
- Pencari tarikh 52
- Tetapan 52

Alat 53
- Menetapkan penggera anda 53
- Menggunakan kalkulator anda 53
- Menu cepat 53

06 PELAYAR

Pelayar 54
- Mengakses web 54
- Menambah dan mengakses penanda buku anda 54
- Menyimpan halaman 54
- Mengakses halaman disimpan 55
- Melihat sejarah pelayar anda 55
- Menggunakan pembaca RSS 55
- Menukar tetapan pelayar web 55

07 TETAPAN

Tetapan. 56
- Menukar profil anda 56
- Menyesuaikan profil anda 56
- Menukar tarikh & masa anda 56
- Menukar bahasa 57
- Menukar tetapan keselamatan anda 57
- Menukar tetapan paparan anda 57
- Melihat status memori 58
- Menetapkan semula telefon anda 58

Kesambungan 59
- Menukar tetapan kesambungan anda 59
- Menukar tetapan Bluetooth anda 59
- Pasangkan dengan peranti Bluetooth lain 59
- Menggunakan alat dengar Bluetooth 60
- Memindahkan fail kepada telefon anda ... 60
- Menghantar dan menerima fail anda menggunakan Bluetooth 60
- Mod sambungan USB 61
- Mod sentiasa tanya 61
- Menggunakan telefon anda sebagai peranti penyimpan massa 62
- Menggunakan telefon anda sebagai modem 62
- PC suite-Menyegerakan telefon anda bersama-sama dengan PC anda 63

08 AKSESORI

Aksesori 64

Perkhidmatan rangkaian 65

Data teknikal 65
- Umum 65
- Suhu Ambien 65

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien

Sila baca panduan mudah ini. Tidak mengikuti panduan ini ungkin merbahaya dan salah i sisi undang-undang.

Terdedah kepada kuasa frekuensi radio

PERANTI INI MENGIKUTI PANDUAN ANTARABANGSA UNTUK PENDEDAHAN KEPADA GELOMBANG RADIO.

Peranti ini adalah pemancar dan penerima radio. Ia direkabentuk dan dikilangkan idak melebihi had pendedahan kepada frekuensi radio oleh panduan antarabangsa (ICNIRP). Had ini adalah sebahagian dari panduan komprehensif dan paras kuasa RF ditetapkan untuk populasi umum. Panduan ini dirangka organisasi saintifik persendirian melalui masa dan penilaian kajian saintifik. Panduan tersebut termasuk margin keselamatan dirangka untuk memastikan keselamatan semua pengguna, tidak kira umur dan tahap kesihatan.

Piawai pendedahan untuk peranti boleh alih adalah, Specific Absorption Rate, SAR. Had SAR dinyatakan di dalam panduan antarabangsa adalah 2.0 W/kg*. Ujian-ujian untuk SAR dijalankan dengan menggunakan posisi operasi piawai dengan peranti memancar berada di tahap kuasa tertinggi yang disahkan di dalam kesemua jaluran frekuensi yang diuji.

Walaupun SAR ditentukan pada tahap kuasa tertinggi yang disahkan, SAR yang sebenarnya sesuatu peranti boleh berada di bawah nilai maksimum semasa beroperasi. Ini kerana peranti direkabentuk untuk beroperasi pada pelbagai tahap kuasa dan juga hanya menggunakannya pada kuasa diperlukan sahaja untuk mencapai rangkaian. Umumnya, semakin dekat pengguna dengan stesen tapak, makin rendah kuasa keluaran sesuatu peranti. Sebelum sesuatu model dilancarkan pada pasaran umum, kesesuaian dengan European R&TTE perlu ditunjukkan. European R&TTE termasuk sebagai salah satu keperluan wajib untuk perlindungan kesihatan dan keselamatan untuk pengguna.

Nilai SAR tertinggi untuk peranti ini apabila diuji untuk kegunaan di telinga adalah 0.711W/kg.

Peranti ini memenuhi panduan pendedahan RF apabila digunakan samada posisi normal di telinga atau di posisi sekurang-kurangnya 1.5sm dari badan pengguna. Apabila sebuah sarung pembawa, klip tali pinggang atau pemegang digunakan untuk operasi, ia seharusnya tidak mengandungi logam dan berada di posisi sekurang-kurangnya 1.5sm dari tubuh anda. Untuk menghantar fail data atau mesej, peranti memerlukan sambungan berkualiti dengan rangkaian. Dalam sesetengah kes, pemindahan fail data atau

mesej mungkin ditunda sehinggan wujudnya sambungan.

Pastikan arahan jarak pemisah di atas diikuti sehingga pemindahan lengkap. Nilai SAR tertinggi apabila diuji untuk kegunaan di tubuh adalah 0.998W/kg.

* Had SAR untuk peranti boleh alih yang digunakan umum adalah purata 2.0 watts/kilogram (W/kg) kepada 10 gram tisu tubuh. Panduan ini mencadangkan margin keselamatan yang secukupnya untuk memberi perlindungan tambahan kepada umum. Nilai SAR mungkin berubah bergantung kepada keperluan badan laporan kebangsaan dan jaluran rangkaian.

Untuk maklumat SAR di dalam kawasan lain, sila cari di bawah maklumat produk di www.lgmobile.com

Penjagaan dan penyelenggaraan produk

⚠ AMARAN

Gunakan hanya bateri, pengecas dan aksesori yang diluluskan untuk penggunaan khusus bagi model telefon ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti yang berkaitan dengan telefon ini, dan mungkin merbahaya.

- Jangan buka unit ini. Bawanya ke juruteknik perkhidmatan yang kelayakan apabila kerja pembaikan diperlukan.
- Jauhkan dari perkakas elektrikseperti TV, radio, dan komputer peribadi.
- Unit ini hendaklah dijauhkan daripada sumber haba seperti radiator atau dapur.
- Jangan jatuhkan.
- Jangan biarkan unit ini didedahkan pada getaran atau kejutan mekanikal.
- Off telefon ditempat larangan telefon bimbit. Jangan gunakan telefon di dalam hospital kerana mungkin mengganggu peralatan hospital.

- Jangan sentuh telefon dengan tangan yang lembab semasa telefon sedang dicas. Kemungkinan akan terjadi renjatan elektrik atau telefon akan rosak.
- Jangan cas di kawasan berhampiran bahan mudah terbakar kerana telefon akan menjadi panas dan boleh menyebabkan kebakaran.
- Gunakan kain yang kering untuk membersihkan bahagian luar unit ini. (Jangan gunakan pelarut seperti benzena, pencair atau alkohol.)
- Jangan cas telefon di atas perabot yang lembut.
- Cas telefon di kawasan yang mempunyai pengudaraan yang baik.
- Jangan dedahkan unit ini kepada asap atau habuk yang berlebihan.
- Jangan simpan telefon di sebelah kad kredit atau tiket pengangkutan; ia boleh menjejaskan maklumat pada jalur magnetik.
- Jangan ketik skrin dengan objek yang tajam; ia boleh merosakkan telefon.
- Jangan dedahkan telefon kepada cecair atau kelembapan.
- Guna aksesori seperti fon telinga denga berhati-hati. Jangan sentuh antena jika tidak perlu.

Pengendalian telefon yang efi sien

Peranti elektronik

Semua telefon mudah alih mungkin mendapat gangguan, yang boleh menjejaskan prestasi.

- Jangan gunakan telefon mudah alih anda berhampiran kelengkapan perubatan tanpa meminta kebenaran. Elakkan daripada meletakkan telefon di atas perentak jantung iaitu dalam poket dada anda.
- Sesetengah alat bantuan pendengaran mungkin diganggu oleh telefon mudah alih.
- Gangguan yang sedikit boleh menjejas TV, radio, PC, dan sebagainya.

Keselamatan di jalan raya

Periksa undang-undang dan peraturan mengenai penggunaan telefon mudah alih di kawasan anda memandu.

- Jangan gunakan telefon pegang tangan semasa memandu.
- Beri perhatian penuh kepada pemanduan anda.
- Gunakan kit bebas tangan, jika tersedia.

- Keluar dari jalan raya dan letak kereta sebelum membuat atau menjawab panggilan jika keadaan pemanduan memerlukan anda berbuat demikian.
- Tenaga RF mungkin menjejaskan sesetengah sistem elektronik dalam kenderaan anda seperti stereo kereta dan kelengkapan keselamatan.
- Apabila kenderaan anda dilengkapi beg udara, jangan halangnya dengan kelengkapan wayarles yang dipasang atau yang mudah alih. Ia mungkin tidak berfungsi atau menyebabkan kecederaan serius disebabkan prestasi yang tidak betul.

Jika anda mendengar muzik ketika bergerak dan berjalan, sila pastikan bahawa kelantangannya berada pada paras yang berpatutan agar anda sedar akan keadaan di sekeliling anda. Ini ialah terutamanya semasa berdekatan dengan jalan.

Elakkan kerosakan kepada pendengaran anda

Kerosakan kepada pendengaran anda boleh berlaku jika anda terdedah kepada bunyi yang kuat untuk tempoh yang lama. Kami dengan ini mengesyorkan anda tidak menghidupkan atau mematikan telefon bimbit yang berhampiran dengan telinga anda. Kami juga menyarankan bahawa kelantangan muzik dan panggilan ditetapkan pada paras yang berpatutan.

Bahagian Kaca

Sebahagian dari peranti telefon anda diperbuat dari kaca. Kaca ini akan retak atau pecah jika telefon anda terjatuh ke atas permukaan yang keras atau menerima impak yang kuat. Jika kaca retak atau pecah, dinasihatkan supaya tidak memegang atau cuba untuk membuangnya. Sila berhenti menggunakan telefon anda sehingga kaca yang retak atau pecah telah digantikan oleh agen yang dilantik.

Kawasan letupan

Jangan gunakan telefon di mana peletupan sedang dijalankan. Perhatikan sekatan,dan patuhi sebarang peraturan atau undangundang. Suasana berpotensi letupan

- Jangan gunakan telefon anda di tempat pengisian minyak. Jangan gunakan berhampiran bahan bakar atau bahan kimia.
- Jangan angkut atau simpan gas atau cecair mudah terbakar, atau bahan letupan di dalam petak simpanan kenderaan anda, yang mengandungi telefon bimbit anda dan aksesori-aksesorinya.

Dalam kapal terbang

Peranti-peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.

- Matikan telefon mudah alih anda sebelum menaiki apa-apa kapalterbang.
- Jangan gunakannya apabila mendarat di lapangan terbang tanpa izin anak kepal .

Kanak-kanak

Simpan telefon di tempat yang selamat jauh dari capaian kanakkanak kecil. Ia termasuk bahagianbahagian yang kecil yang, jika tertanggal mungkin menyebabkan bahaya tercekik.

Panggilan kecemasan

Panggilan kecemasan mungkin tidak tersedia di bawah semua rangkaian mudah alih. Oleh itu, anda tidak seharusnya bergantung pada mana-mana telefon untuk panggilan kecemasan. Periksa dengan pembekal khidmat tempatan anda . Maklumat dan penjagaan bateri

- Anda tidak perlu menyahcaskan bateri anda sepenuhnya sebelum mengecas semula. Tidak seperti sistem bateri yang lain, tiada kesan memori yang boleh menjejaskan prestasi bateri.
- Gunakan hanya bateri dan pengecas LG. Pengecas LG direka bentuk untuk memaksimumkan hayat bateri.
- Jangan buka atau litar pintaskan pek bateri.
- Pastikan sentuhan logam pada bateri sentiasa bersih.
- Gantikan bateri apabila ia tidak lagi memberi prestasi yang boleh diterima. Pek bateri boleh dicas semula beratus-ratus kali sehingga ia perlu digantikan.
- Cas semula bateri jika ia tidak digunakan buat tempoh masa yang lama untuk memaksimumkan kebolehgunaan.

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien

- Jangan dedahkan pengecas bateri kepada cahaya matahari langsung atau gunakannya pada kelembapan yang tinggi, seperti di bilik air.
- Jangan biarkan bateri di tempat yang panas atau sejuk, ini mungkin menjejaslan prestasi bateri.
- Terdapat risiko letupan jika bateri digantikan dengan jenis yang salah.
- Lupuskan bateri yang telah digunakan mengikut arahan pengilang. Sila kitar semula apabila boleh. Janga lupuskan sebagai sampah rumah tangga.
- Jika anda hendak menggantikan bateri, bawa ia ke pusat servis LG Electronics atau penjual yang disahkan untuk mendapatkan bantuan.
- Sentiasa tanggalkan pengecas dari soket dinding selepas telefon dicas sepenuhnya untuk menjimatkan kuasa pengecas daripada penggunaan yang tidak diperlukan.

Mengenali telefon anda

Skrin utama

Kekunci OK OK

Kekunci lembut kiri
Pergi ke Barangan Saya secara terus.

Kekunci Skrin utama
Pergi ke Skrin utama atau Menu.

Kekunci Panggil
Dail nombor telefon dan jawab panggilan masuk.

Kekunci navigasi

- **Dalam mod siap sedia:**
  Atas: Menu pantas.
  Bawah: Cari
  Kanan: Mesej
  Kiri: Profil
- **Dalam menu:** Navigasi antara menu.

Kekunci lembut kanan
Pergi ke bantuan Pintasan secara terus. Gunakan kekunci ini untuk kembali ke skrin sebelumnya.

Kekunci Kosongkan
Memadam aksara dengan setiap tekanan.

Kekunci Tamat/Kuasa
Tamatkan atau tolak panggilan.
Hidupkan/Matikan telefon.
Kembali ke Skrin utama apabila anda menggunakan menu.

Paparan terbuka

Memasang USIM dan bateri

1 Tanggalkan penutup bateri

Tekan penutup kunci pelepas bateri. Penutup bateri adalah mudah untuk dikeluarkan.

2 Keluarkan bateri

Umpil hujung bawah bateri dan keluarkan ia dengan cermat daripada ruang bateri.

⚠ **AMARAN:** Jangan keluarkan bateri semasa telefon dihidupkan kerana ia mungkin akan merosakkan telefon.

3 Memasang kad USIM

Luncurkan kad USIM ke dalam pemegang kad USIM. Pastikan kawasan sentuh emas pada kad menghadap ke bawah. Untuk menanggalkan kad USIM, tarik dengan berhati-hati ke arah bertentangan.

⚠ **AMARAN:** Jangan masukkan kad USIM apabila gelangsar terbuka, kerana ia boleh merosakkan telefon anda dan kad USIM.

Memasang USIM dan bateri

4 Memasang bateri

Masukkan bahagian atas bateri dahulu ke dalam bahagian tepi atas petak bateri. Pastikan bahagian sentuh bateri sejajar dengan terminal telefon. Tekan bahagian bawah bateri hingga ia terklip di tempatnya.

5 Letak semula penutup bateri

Masukkan bahagian atas penutup bateri dan tekan ke bawah dan slaid hingga klik ke tempatnya.

6 Mengecas telefon anda

Tarik keluar penutup soket pengecas pada sisi KP275 anda. Masukkan pengecas dan palamkan ia ke soket elektrik utama. KP275 anda perlu dicas sehingga mesej memberitahu Telah Dicas Sepenuh muncul pada skrin.

⚠ **AMARAN:** Jangan caj telefon semasa ia berada di atas kain hiasan. Telefon haruslah dicas di kawasan pengudaraan yang baik.

Kad memori

Memasang kad memori

Anda boleh membesarkan ruang memori tersedia pada telefon anda menggunakan kad memori.

TIP: Kad memori adalah aksesori pilihan.

Buka slot kad memori.Luncurkan kad memori ke dalam penutup slot, sehingga ia berdetap pada tempatnya. Pastikan kawasan sesentuh emas menghala ke atas.

Mengeluarkan kad memori

Buka penutup dan keluarkan kad memori berhati-hati dengan menolaknya perlahan ke dalam telefon dan lepaskannya dengan cepat, seperti yang ditunjukkan dalam diagram berikut:

Format kad memori

Kad memori mungkin telah diformat. Jika tidak, anda perlu format sebelum gunakannya.

1. Daripada skrin siap sedia OK dan pilih **Tetapan**.
2. Pilih **Pengurus memori** dan pilih **Memori luaran**.
3. Tekan **Format** dan masukkan kata laluan tersebut, yang di setkan kepada 0000 sebagai lalai. Kad anda akan diformatkan dan sedia digunakan.
4. Untuk paparkan folder terformat yang baru pada KP275 anda sentuh OK dan pilih **Bahan saya**. Pilih **Memori Luaran**.

⚠ **AMARAN:** Apabila anda memformat kad memori anda, semua kandungan akan di padam. Jika anda tidak mahu kehilangan data pada kad memori anda, buat sandaran terlebih dahulu.

Peta menu

Permainan & Aplikasi
1 Permainan & Aplikasi Saya
2 Tetapan

Memanggil
1 Buat panggilan video
2 Log panggilan
3 Tempoh panggilan
4 Jumlah data
5 Kos panggilan
6 Alihan panggilan
7 Sekatan panggilan
8 Nombor dailan tetap
8 Panggilan Menunggu
9 Tetapan umum
* Ttpn pgln video

Penyelenggara
1 Kalendar
2 Tugasan
3 Memo
4 Memo Rahsia
5 Pencari tarikh
6 Tetapan

Multimedia
1 Kamera
2 Kamera video
3 Muzik
4 Radio FM
5 Perakam suara

Mesej
1 Buat mesej baru
2 Peti masuk
3 Peti mel
4 Draf
5 Peti keluar
6 Item dihantar
7 Folder saya
8 Templat
9 Emotikon
0 Tetapan

Barangan Saya
1 Imej Saya
2 Bunyi Saya
3 Video Saya
4 Permainan & Aplikasi
5 Lain-lain
6 Kad memori saya

Yahoo
1 Yahoo! oneSearch
2 Yahoo! Mail
3 Yahoo! Messenger
4 Yahoo! Address Book

Kenalan
1 Tambah Baru
2 Cari
3 Dailan Cepat
4 Kumpulan
5 Nombor dail perkhidmatan
6 Nombor sendiri
7 Kad niaga saya
8 Tetapan

Alatan
1 Menu cepat
2 Penggera
3 Kalkulator
4 Jam randik
5 Pengubah
6 Masa dunia
7 Perkhidmatan SIM

* Fungsi ini bergantung pada SIM dan operator. Jika operator sokong Kit Alat SIM, menu ini akan dipaparkan.

Pelayar
1 Rumah
2 Masukkan alamat
3 Penanda Buku
4 Pembaca RSS
5 Simpan laman
6 Sejarah
7 Tetapan

Sambungan
1 Bluetooth
2 Mod sambungan USB

Tetapan
1. Profil
2. Telefon
3. Skrin
4 Tarikh & Masa
5 Rangkaian
6 Profil internet
7 Titik Akses
8 Sambungan data paket
9 Keselamatan
0 Pengurus memori
* Tetapan streaming
# Reset tetapan

Skrin siap sedia anda

Bar status

Bar status dengan menggunakan pelbagai ikon menunjukkan perkara seperti kekuatan isyarat, mesej baru dan hayat bateri dan di samping memberitahu sama ada Bluetooth telah aktif.

Di bawah adalah jadual yang menjelaskan makna ikon yang anda akan lihat dalam bar status.

Ikon	Penerangan
	Kekuatan isyarat rangkaian (bilangan bar berubah-ubah)
	Tiada isyarat rangkaian
	GPRS tersedia
	EDGE digunakan
	Mod penerbangan diaktifkan
	Panggilan dialihkan
	Rayau
	Bluetooth diaktifkan
	Perkhidmatan WAP disambungkan
	Ada Multitugas

Ikon	Penerangan
	Mesej maklumat
	Penggera ditetapkan
	Jadual
	Mesej baru
	Mesej suara baru
	Profil Normal digunakan
	Profile Senyap digunakan
	Profil kuat digunakan
	Profil alat dengar digunakan
	Baki hayat bateri
	Bateri habis

Panggilan

Membuat panggilan

1 Pastikan telefon anda dihidupkan.

2 Anda boleh menggunakan pad kekunci selepas membuka slaid. Untuk memadam digit tekan atau anak panah undur.

3 Tekan untuk memulakan panggilan.

4 Untuk menamatkan panggilan, tekan atau luncurkan penutup agar tutup.

PETUA! Untuk memasukkan + apabila membuat panggilan antarabangsa, tekan dan tahan **0**.

Membuat panggilan daripada kenalan anda

1 Pilih **Kenalan** dalam menu dan kemudian **Cari**.

2 Dengan menggunakan pad kekunci, masukkan huruf pertama kenalan yang anda mahu buat panggilan dan tatal kepada kenalan.

3 Tekan untuk memulakan panggilan.

Menjawab dan menolak panggilan

Apabila telefon anda berbunyi, tekan **Terima**atau tekan untuk menjawab panggilan.

Semasa telefon anda berbunyi, anda boleh menekan **Senyap** untuk membisukan deringan. Ini berguna jika anda terlupa menukar profil anda kepada **Senyap** untuk bermesyuarat.

Tekan atau pilih **Tolak** untuk menolak panggilan masuk.

Membuat panggilan video

Anda boleh membuat dan menerima panggilan video apabila kedua-dua anda dan orang lain mempunyai liputan 3G.

1 Masukkan nombor telefon menggunakan pad kekunci atau pilih nombor telefon daripada Cari.

2 Tekan untuk memulakan panggilan.

3 Untuk memulakan fungsi video, tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] dan pilih Buat panggilan video

4 Laraskan kedudukan kamera jika perlu.

5 Tekan untuk menamatkan panggilan atau tutup telefon bimbit.

Panggilan

Dailan cepat

Anda boleh memperuntukkan nombor dail cepat pada seorang kenalan yang kerap anda hubungi.

1 Tekan OK untuk membuka menu utama. Pilih **Kenalan**, kemudian pilih **Dailan cepat**.

2 Mel suara anda ditetapkan pada dail cepat 1 dan anda tidak boleh menukar ini. Pilih mana-mana nombor lain sama ada menggunakan kekunci navigasi dan pilih Tambahd atau dengan menekan nombor kekunci keras.

3 Buku alamat anda akan terbuka. Pilih kenalan yang anda ingin peruntukan pada nombor tersebut dengan menggunakan kekunci navigasi, kemudian pilih **OK**.

Untuk memanggil nombor dail cepat, tekan dan tahan nombor yang diperuntukkan sehingga kenalan muncul pada skrin. Panggilan akan dimulakan secara automatik dan tidak perlu menekan .

Melihat log panggilan

Daripada skrin siap sedia, tekan OK pilih Memanggil, pilih Log panggilan.

Pilih untuk melihat:

Semua panggilan - Melihat senaraipenuh panggilan yang didail, diterima dan tidak dijawab.

Panggilan didail - Melihat senarai semua nombor yang anda telah panggil.

Panggilan diterima - Melihat senarai semua nombor yang telah menelefon anda.

Panggilan tidak dijawab - Melihat senarai semua nombor yang anda tidak jawab.

TIP! Daripada mana-mana senarai panggilan sentuh kekunci lembut sebelah kiri dan Padam semua untuk memadam semua item yang direkodkan.

Menggunakan alihan panggilan

1 Tekan OK , pilih **Memanggil**.

2 Pilih **Alih panggilan**. Pilih daripada Panggilan suara, Panggilan video. Atau anda boleh memilih Nyahaktifkan semua.

3 Pilih sama ada untuk mengalihkan semua panggilan, semasa talian sibuk, semasa tiada jawapan atau semasa anda tidak dapat dihubungi.

4 Pilih **Aktifkan** dan pilih sama ada untuk dialihkan ke mel suara atau ke nombor lain.

5 Masukkan nombor alihan anda atau pilih **Cari** untuk menyemak imbas **Kenalan** untuk nombor alihan anda.

Nota: Caj dikenakan bagi panggilan yang dialihkan. Sila hubungi pembekal khidmat anda untuk mendapatkan butiran.

PETUA! Untuk mematikan semua alihan panggilan, pilih **Nyahaktifkan semua** dari menu **Alihan panggilan**.

Mengguna sekatan panggilan

1 Tekan OK , pilih **Memanggil**.

2 Pilih **Sekatan panggilan**. Pilih daripada Panggilan suara, Panggilan video. Atau anda boleh memilih Nyahaktifkan semua.

3 Pilih mana-mana atau semua keenam-enam pilihan:

Semua keluar
Antarabangsa keluar
Panggilan antarabangsa keluar kecuali negara asal
Semua masuk
Masuk apabila di luar negara

4 Pilih **Aktifkan** dan masukkan kata laluan sekatan panggilan. Sila semak dengan operator rangkaian anda untuk perkhidmatan ini.

PETUA! Pilih **Nombor dail tetap** daripada menu **Memanggil** untuk hidupkan dan menyusun senarai nombor yang boleh dipanggil daripada telefon anda. Anda memerlukan kod PIN2 daripada operator anda. Apabila diaktifkan, hanya nombor yang disertakan dalam senarai dail tetap boleh dipanggil daripada telefon anda.

Panggilan

Menukar tetapan panggilan

1 Tekan OK , pilih **Memanggil**.

2 Dari sini anda boleh mengubah tetapan untuk:

Tempoh panggilan - Lihat butiran berapa lama anda telah menghabiskan masa pada panggilan anda bagi kedua-dua panggilan diterima atau didail.

Jumlah data - Lihat amaun semula data yang diterima dan dihantar anda untuk Web, Data atau Semua, diukur dalam kilobait.

Kod panggilan - Lihat cas yang dikenakan pada Panggilan terakhir atau Semua panggilan. Perkhidmatan ini bergantung pada rangkaian, sesetengah operator tidak dapat menyokongnya.

Alihan panggilan – Pilih sama ada mahu alih panggilan anda.

Sekatan panggilan - Pilih panggilan mana yang anda ingin sekat.

Nombor dailan tetap – Pilih senarai nombor yang boleh dipanggil dari telefon anda.

Panggilan menunggu – Diberi amaran jika anda mempunyai panggilan menunggu.

Menukar tetapan biasa panggilan

1 Daripada skrin siap sedia, tekan OK, pilih **Memanggil**.

2 Pilih **Tetapan** umum. Dari sini anda boleh mengubah tetapan untuk:

Tolak panggilan - Pilih Hidup atau Mati dan pilih untuk menolak semua panggilan, nombor daripada kumpulan tertentu, kenalan, nombor tidak berdaftar (nombor yang tiada dalam kenalan anda atau nombor yang tidak mempunyai ID pemanggil).

Hantar Nombor Saya - Pilih jika nombor anda akan dipaparkan ketika anda menelefon seseorang.

Dail semula automatik - Pilih Hidup atau Mati.

Mod jawapan - Pilih sama ada untuk menjawab telefon menggunakan kekunci Hantar, sebarang kekunci, atau dengan membuka gelangsar.

Peringatan minit - Pilih Hidup untuk mendengar nada setiap minit semasa panggilan.

Mod jawapan BT - Pilih Bebas Tangan supaya boleh menjawab panggilan menggunakan alat dengar Bluetooth atau pilih Telefon Bimbit untuk menekan kekunci pada telefon bimbit untuk menjawab panggilan semasa menggunakan alat dengar Bluetooth.

Simpan nombor baru - Pilih Ya untuk menyimpan nombor baru.

Tetapan tutup gelangsar - Tetapkan sama ada sama ada panggilan ditamatkan atau tidak semasa menutup gelangsar.

Tetapan panggilan video

Anda boleh tetapkan paparan skrin semasa membuat/menerima panggilan video.

1 **Gunakan gambar peribadi**: Tentukan sama ada untuk tunjukkan imej peribadi atau tidak

2 **Pilih imej peribadi**: Pilih imej pegun untuk dipaparkan.

3 **Cermin**: Pilih untuk aktifkan kesan cermin atau tidak.

Kenalan

Mencari kenalan

1 Pilih **Kenalan** dari menu utama dan pilih **Cari**.

2 Menggunakan pad kekunci, memasukkan huruf pertama nama kenalan yang anda ingin panggil.

3 Untuk tatal menerusi kenalan dan nombornya yang lain, gunakan kekunci navigasi.

Menambah kenalan baru

1 Pilih **Kenalan** dan pilih **Tambah baru**.

2 Pilih sama ada ingin menyimpan kenalan baru anda pada **telefon bimbit** atau kad **USIM** anda.

3 Masukkan maklumat yang anda inginkan dalam medan yang disediakan dan pilih **Selesai**.

Atau untuk menggunakan cara yang lebih cepat…

1 Masukkan nombor yang anda ingin simpan dan tekan **Pilihan**.

2 Pilih **Simpan nombor dan pilih** sama ada **Kenalan baru** atau **Kemas kini kenalan**.

3 Masukkan maklumat relevan seperti di atas dan pilih **Selesai**.

Pilihan kenalan

Banyak yang anda boleh lakukan semasa melihat kenalan. Ini cara untuk mengakses dan menggunakan menu Pilihan:

1 Pilih **Kenalan** dari menu utama dan pilih **Cari**.

2 Pilih **Pilihan** untuk membuka senarai pilihan.

Dari sini anda boleh:

Hantar mesej - Hantar mesej pada kenalan. Jika kenalan mempunyai alamat e-mel, pilih sama ada anda ingin menghantar **Mesej ata**u **E-mel**.

Hantar kad niaga - Hantar butiran kenalan kepada orang lain sebagai kad niaga. Pilih untuk menghantar sebagai **Mesej teks**, **Mesej multimedia**, **melalui E-mel** atau **Bluetooth**.

Buat panggilan suara- Membuat panggilan suara secara terus kepada kenalan yang anda pilih.

Buat panggilan video-Membuat panggilan video secara terus kepada kenalan yang anda pilih.

Tambah kenalan baru - Tambah kenalan baru.

Edit - Untuk menukar mana-mana butiran kenalan.

Tambah pada kumpulan - Memindahkan kenalan pada kumpulan

Tanda/Buang tanda - Tanda seorang kenalan atau semua

Cari mengikut - Cari kenalan melalui Nombor atau Kumpulan

Simpan pada USIM - Pilih untuk memindah atau menyalin ke kad SIM atau telefon (bergantung kepada di mana anda menyimpan kenalan tersebut pada asalnya).

Padam - Padam kenalan. Pilih **Ya** hanya jika anda pasti.

Masukkan teks-Anda boleh memasukkan simbol pada kenalan, tukar cara menulis atau bahasa dan tambah perkataan pada kamus

Menambah kenalan kepada kumpulan

Anda boleh menyimpan kenalan anda kepada kumpulan. Sebagai contohnya, ia sangat berguna untuk memastikan rakan sekerja dan keluarga berasingan. Terdapat sejumlah kumpulan termasuk **Keluarga**, **Rakan**, **Rakan sekerja**, **Sekolah** dan **VIP** yang telah ditetapkan pada telefon anda.

1 Pilih **Kenalan** dan pilih Kumpula**n**.

2 Tatal pada kumpulan yang anda ingin menambah kenalan dan pilih **Buka** kemudian pilih **Tambah**.

3 Senarai kenalan anda akan terbuka. Tatal pada mana-mana kenalan yang anda ingin tambah pada kumpulan dan tekan ☑ , kemudian pilih **Selesai**.

PETUA! Anda boleh memperuntukkan nada dering pada kumpulan. Pilih kumpulan yang anda ingin peruntukkan nada dering, pilih **Pilihan** dan pilih item yang anda inginkan.

Menamakan semula kumpulan

Anda boleh menamakan semula kumpulan yang anda buat untuk menyesuaikannya dengan gaya hidup anda.

1 Pilih **Kenalan** dan pilih Kumpula**n**.

2 Pilih kumpulan yang anda ingin namakan semula.

3 Pilih Pilih**an**, pilih **Namakan semula** dan masukkan nama kumpulan baru anda.

4 Pilih **Selesai**.

Nota: Anda hanya boleh memperuntukkan kenalan pada kumpulan atau menambah gambar pada kenalan yang disimpan pada memori telefon (bukan SIM) anda.

Kenalan

Menambah gambar kepada kenalan

Anda boleh tukar penampilan kenalan anda dalam buku alamat anda dengan memasukkan gambar.

1 Pilih **Kenalan** dan pilih **Tetapan**.

2 Pilih **Tetapan senarai kenalan** dan pilih Tunjukkan gambar dan pili**h Hidupkan**. Pilih **Selesai**.

3 Kemudian kembali ke **Cari** dan pilih kenalan yang anda ingin tambah gambar.

4 Pilih Pilihan dan pili**h Edit**.

5 Tatal ke bawah ke bahagian **Imej**. Pilih **Edit** dan pilih **Tiada imej, Avatar, Ambil gambar**atau Gunakan imej sedia ad**a**. Jika anda memilih **Gunakan imej sedia ada**, anda boleh memilih imej yang disimpan dalam memori telefon anda. Jika anda memilih **Ambil gambar**, pencari pandangan kamera anda akan terbuka, jadi anda boleh mengambil gambar kenalan anda. Ambil gambar kemudian tekan **OK**.

6 Pilih **Selesai**.

Menyalin kenalan anda kepada USIM anda

Anda juga boleh pilih untuk salin kenalan anda daripada USIM kepada telefon bimbit anda atau daripada telefon bimbit kepada SIM anda.

1 Pilih **Kenalan**, pilih **Tetapan** dan pilih **Salin**.

2 Pilih untuk menyalin kenalan dari Telefon bimbit ke **USIM** atau **USIM ke telefon bimbit**.

3 Pilih sama ada untuk **Semua sekali** atau **Satu demi satu**.

4 Pilih Selesa**i** jika anda sudah pasti.

Memaparkan maklumat

Pilih **Kenalan**. Dari sini, anda boleh melihat **Nombor dail perkhidmatan** anda, **Nombor sendiri** dan **Kad niaga saya** anda.

PETUA! Jika anda belum membuat kad niaga, skrin **Kad Niaga** akan memberi anda pilihan untuk mencipta. Pilih **Tambah** dan masukkan butiran anda seperti yang anda inginkan untuk mana-mana kenalan. Pilih **Selesai** apabila selesai.

Mesej

Mesej

KP275 anda merangkumi fungsi yang berkaitan dengan SMS (Perkhidmatan Mesej Ringkas), MMS (Perkhidmatan Mesej Multimedia), e-mel, mel suara, serta mesej perkhidmatan rangkaian. Untuk menggunakan fungsi ini, tekan OK dan pilih **Mesej**.

Menghantar mesej

1 Buat mesej baru, tekan OK , pilih **Mesej** dan pilih **Buat mesej baru**.

2 Pilih **Mesej untuk menghantar** SMS atau MMS.

3 Editor mesej baru akan terbuka.
Editor mesej menggabungkan SMS dan MMS dalam satu mod intuitif yang mudah untuk ditukar. Tetapan lalai editor mesej adalah mod SMS.

4 Masukkan mesej anda menggunakan pad kekunci. Lihat **Memasukkan teks** pada sebelah kanan untuk maklumat lanjut mengenai bagaimana teks dimasukkan.

5 Pilih **Pilihan** dab pilih **Masukkan untuk menamba**h **Imej**, **Video**, **Bunyi**, **Simbol**, **Templat**, **Emotikon**, **Nama & Nombor**, **Slaid baru**, **Subjek** atau Lebih **Banyak** (**Kad niaga**/**Jadual**/**Memo**/**Tugasan**/**Kad niaga saya**).

6 Pilih **Hantar**.

7 Pilih kenalan daripada senarai kenalan atau masukkan nombor telefon daripada **Pilihan.**

8 Pilih **Hantar**.

⚠ **AMARAN:** Jika **Imej**, **Bunyi**, **Video**, **Slaid baru** atau **Subjek** ditambah pada editor mesej, ia akan ditukar secara automatik ke mod MMS dan anda akan ditukar dengan sewajarnya.

Memasukkan teks

Anda boleh memasukkan aksara abjad angka dengan menggunakan pad kekunci telefon. Sebagai contoh, menyimpan nama dalam Kenalan, menulis mesej dan membuat penjadualan peristiwa dalam kalendar semuanya memerlukan kemasukan teks. Kaedah input teks berikut tersedia dalam telefon: mod T9, mod Abc dan mod 123.

Nota: Sesetengah medan mungkin hanya membenarkan mod input teks satu sahaja (cth. nombor telefon dalam medan buku alamat).

Mesej

Mod input teks menggunakan pad kekunci

Apabila anda ingin memasukkan teks, sebagai contoh apabila menulis mesej, pad kekunci akan lalai kepada mod T9. Jika anda ingin memasukkan nombor, contohnya semasa membuat panggilan, kekunci nombor pad kekunci akan lalai kepada nombor.

Menyediakan e-mel anda

Anda boleh kekal berhubung sambil bergerak dengan menggunakan KP275 anda. Ia lebih cepat dan mudah untuk menetapkan akaun e-mel POP3 atau IMAP4.

1 Tekan OK , pilih **Mesej** dan pilih **Tetapan**.

2 Pilih **E-mel** dan kemudian pilih **Akaun e-mel**.

3 Pilih **Tambah** dan ikut arahan pop timbul dan masukkan maklumat yang diperlukan.

Menghantar e-mel menggunakan akaun baru anda

Untuk menghantar/menerima e-mel, anda perlu menyediakan akaun e-mel (lihat di atas).

1 Tekan OK , pilih **Mesej** dan pilih **Buat mesej baru**.

2 Pilih **E-mel** dab tetingkap e-mel baru akan terbuka.

3 Tuliskan baris subjek dan tekan OK.

4 Masukkan mesej anda menggunakan pad kekunci.

Peti Mel - Ia mengandungi semua mesej e-mel anda. Pilih akaun yang anda ingin gunakan dan pilih **Dapatkan semula**. KP275 anda akan menyambungkan ke akaun e-mel anda dan dapatkan semula mesej baru anda.

Folder mesej

Tekan OK , kemudian pilih **Mesej**. Struktur folder yang digunakan pada KP275 anda sepatutnya jelas dengan sendiri.

Buat mesej baru - Buat mesej baru anda.

Peti masuk - Semua mesej yang anda terima ditempatkan di dalam peti masuk anda. Dari sini anda boleh membalas, mengalih dan banyak lagi, lihat di bawah untuk maklumat lanjut.

Peti mel - Semua e-mel yang anda terima ditempatkan dalam Peti mel.

Draf - Jika anda tiada masa untuk menghabiskan mesej yang ditulis, anda boleh menyimpan setakat yang telah ditulis di sini.

Peti keluar - Ini adalah folder simpanan sementara untuk ketika mesej dihantar.

Item dihantar - Semua mesej yang telah dihantar ditempatkan di dalam folder Item dihantar.

Folder saya - Anda boleh menggerakkan mesej yang sedia ada dalam Peti Masuk atau Folder Saya, dan kemudian anda boleh menggerakkan mesej yang sedia ada dalam Folder saya ke kotak mesej asal.

Templat - Senarai pratulisan mesej berguna, berguna untuk balasan yang cepat.

Emotikon - Anda boleh menambah, mengedit dan memadam emotikon. Anda boleh memasukkan emotikon yang anda hendak semasa menulis mesej.

Menguruskan mesej

1 Daripada skrin siap sedia, tekan OK pilih Mesej kemudian Peti Masuk.

2 Pilih Pilihan dan kemudian pilih untuk:

Membalas - Hantar balasan bagi mesej yang dipilih.

Mengalih - Hantar mesej yang dipilih kepada orang lain.

Menelefon - Buat panggilan Suara atau Video kepada orang yang menghantar mesej kepada anda.

Simpan nombor - Simpan nombor pengirim ke kenalan.

Memadam - Padam mesej.

Membuat mesej baru - Buka emel atau mesej baru dan kosong.

Menanda/membuang Tanda - Tandakan mesej untuk pemadaman berbilang.

Menyalin & Mengalih - Salin atau Alih mesej ke telefon, SIM atau Folder saya.

Menapis - Lihat mesej berdasarkan jenis. Ini akan mengelompokkan SMS berasingan dengan MMS.

Maklumat mesej - Lihat maklumat tambahan bagi mesej, termasuk masa ia di hantar dan laporan penghantaran dan pembacaan.

Jika anda lihat mesej Tiada ruang untuk mesej SIM anda perlu memadam beberapa mesej daripada peti masuk anda.

Jika anda lihat mesej Tiada ruang untuk mesej anda boleh memadam sama ada mesej atau fail yang disimpan untuk mewujudkan ruang.

Mesej

Menggunakan templat

Buat templat untuk mesej SMS MMS yang kerap anda hantar. Anda akan lihat templat yang telah sedia ada dalam telefon, anda boleh mengeditnya jika mahu.

1 Daripada skrin siap sedia, tekan OK pilih Mesej kemudian pilih **Templat**.

2 Pilih Templat teks atau Templat multimedia. Anda kemudian boleh memilih Pilihan untuk Tambah baru, Edit, Padam atau Padam semua templat.

Menukar tetapan mesej teks anda

Tetapan mesej KP275 anda telah dipratetapkan supaya anda boleh menghantar mesej dengan sertamerta. Jika anda ingin menukar tetapan, anda boleh lakukan seperti di bawah.

Daripada skrin siap sedia, tekan OK piliht Mesej kemudian pilih Tetapan mesej kemudian Mesej teks. Anda boleh buat perubahan kepada:

Pusat mesej teks - Masukkan butir pusat mesej anda.

Laporan Penghantaran - Pilih untuk menerima pengesahan bahawa mesej anda telah dihantar.

Tempoh kesahan - Pilih berapa lama mesej anda disimpan di pusat mesej.

Jenis mesej - Tukar eks anda kepada Suara, Faks, X.400 or E-mel.

Pengekodan aksara - Pilih bagaimana aksara dalam mesej anda dikodkan, ini memberi kesan kepada saiz mesej dan sekaligus caj data.

Hantar teks panjang sebagai - Pilih sama ada untuk menghantar mesej sebagai SMS atau MMS apabila anda memasukkan teks panjang daripada 2 halaman dalam medan mesej.

Menukar tetapan mesej multimedia anda

Tetapan mesej KP275 anda telah dipratetapkan supaya anda boleh menghantar mesej dengan sertamerta. Jika anda ingin menukar tetapan, anda boleh lakukan seperti di bawah.

Daripada skrin siap sedia, tekan OK piliht Mesej kemudian pilih Tetapan mesej kemudian Mesej Multimedia. Anda boleh buat perubahan kepada:

Mod ambil semula - Pilih rangkaian Rumah atau Perayauan. Jika anda kemudiannya memilih Manual anda akan menerima hanya pemberitahuan MMS dan anda boleh kemudiannya memutuskan sama ada untuk memuat turun sepenuhnya atau tidak.

Laporan penghantaran - Pilih untuk membolehkan dan/atau meminta laporan penghantaran.

Balasan Pembacaan - Pilih untuk membolehkan dan/atau menghantar balasan pembacaan.

Keutamaan - Pilih tahap keutamaan MMS anda.

Tempoh kesahan - Pilih berapa lama mesej anda disimpan di pusat mesej.

Slide duration - Pilih tempoh masa slaid lalai anda untuk menggubah MMS.

Mod penciptaan - Pilih mod mesej anda.

Masa penghantaran - Hantar mesej anda pada masa tertentu.

Pusat mesej multimedia - Masukkan butir pusat mesej anda.

Menukar tetapan e-mel anda

Anda boleh menyesuaikan tetapan e-mel anda mengikut keutamaan anda.

1 Tekan OK , pilih **Mesej** dan pilih **Tetapan**.

2 Pilih **E-mel** kemudian anda boleh menyesuaikan tetapan berikut:

Akaun e-mel - Masukkan alamat e-mel akaun.

Membolehkan balasan e-mel - Pilih untuk membolehkan penghantaran mesej 'pengesahan bacaan'.

Meminta balasan e-mel - Pilih jika untuk meminta mesej 'pengesahan bacaan'.

Ambil semula selaan - Pilih berapa kerap KP275 anda memeriksa mesej e-mel baru.

Sertakan mesej dalam Alih & Balas - Pilih untuk menyertakan mesej asal atau tidak.

Sertakan lampiran - Pilih untuk menyertakan lampiran asal. Ambilan semula auto dalam

Perayauan - Pilih untuk mengambil semula secara auto mesej anda semasa di luar negara, atau hentikan ambilan semula auto.

Mesej

Pemberitahuan e-mel baru - Pilih jika untuk diberitahu tentang emel baru.

Tanda tangan - Buat tanda tangan e-mel dan hidupkan ciri ini.

Keutamaan - Pilih tahap keutamaan mesej e-mel anda.

Menukar tetapan lain

Tekan OK , pilih **Mesej**, pilih **Tetapan mesej** kemudian:

Mel video -Anda boleh menghantar atau menerima mel dengan fail video.

Mel suara - Anda boleh menghantar atau menerima mel dengan fail suara.

Mesej perkhidmatan - Di sini anda boleh matikan Mesej perkhidmatan, yang bermaksud mesej anda tidak lagi ditolak secara terus kepada peranti anda seperti mana i diterima, tetapi hanya apabila anda menyemak mesej baru sahaja. Anda juga boleh menukar keselamatan mesej perkhidmatan anda.

Perkhidmatan maklumat - Pilih status penerimaan, saluran dan bahasa mesej maklumat anda.

Kamera

Menangkap foto pantas

1 Tekan OK dan pilih **Multimedia**. Pilih **Kamera** untuk membuka pencari pandangan.

2 Dengan memegang telefon, tujukan lensa kepada subjek foto.

3 Letakkan telefon supaya anda boleh melihat subjek foto anda.

4 Tekan OK untuk mengambil foto.

Sebelum anda mengambil foto anda

Tekan **Tetapan** untuk pilihan berikut: Sesetengah daripada tetapan tersebut akan ditunjukkan pada Tetapan **Kamera Video** juga.

Saiz imej - Lihat **Menukar saiz imej** pada halaman 36

Kecerahan - Daripada –2.0 sehingga +2.0 pada jarak masa 0.5. Semakin tinggi tahap, semakin cerah skrin.

Kesan warna - Pilih daripada pilihan ton warna anda: **Matikan** (normal/warna), **Sepia**, **Hitam & Putih** atau **Negatif**.

Imbangan Putih - Imbangan Putih memastikan apa-apa warna putih dalam foto anda adalah realistik. Untuk membolehkan kamera menyesuaikan imbangan putih dengan betul, anda mungkin perlu menentukan keadaan cahaya. Pilih daripada **Auto**, **Pijar**, **Cerah**, **Pendarfluor** atau **Mendung**.

Mod malam - Anda boleh mengambil gambar yang lebih baik pada malam dengan memilih Hidupkan.

Pemasa - Pemasa membolehkan anda untuk menetapkan tundaan selepas butang tangkap ditekan sebelum kamera mengambil gambar. Pilih daripada Matikan, 3 Saat, 5 Saat atau 10 Saat. Berguna apabila anda ingin menyertakan diri anda dalam gambar.

Mod Tangkapan - Pilih daripada **Normal** dan **Tangkapan bertubi**. Tangkapan berterusan membolehkan anda mengambil sehingga Tiga, Enam, Sembilan tangkapan secara automatik dalam jujukan yang sangat pantas, hebat untuk mengambil gambar yang sedang bergerak atau di acara sukan.

Kualiti imej - Pilih antara **Sangat halus, Halus** dan **Normal**. Lebih halus kualiti, lebih tajam foto tersebut. Saiz fail akan bertambah, yang bermakna anda hanya boleh menyimpan sedikit gambar dalam memori anda.v

Kamera

Sesudah mengambil gambar

Foto yang anda tangkap akan muncul pada skrin. Nama imej ditunjukkan pada bahagian atas skrin dan akan nampak lima pilihan dipaparkan pada sisi kiri skrin.

Album - Pilihnya untuk melihat pada foto lain dalam album anda. Gambar semasa anda akan disimpan.

Hantar - Pilihnya hantar foto sebagai **Mesej, E-mel**. Lihat halaman 29 untuk **menghantar mesej**.

Kamera - Gunanya untuk mengambil foto lain dengan segera. Gambar semasa anda akan disimpan.

Gunakan sebagai - Pilih untuk membuka sub menu untuk menggunakan imej sebagai **Kertas hias dinding**, **Imej kenalan**, **Imej permulaan atau Imej Matikan kuasa**.

Padam - Memadam foto yang telah anda ambil. Sahkannya dengan memilih **Ya**. Pencari pandangan akan muncul semula.

Menukar saiz imej

Anda boleh menukar saiz foto untuk menjimatkan ruang memori. Lebih banyak piksel, lebih besar saiz fail, ini bermakna ia mengambil lebih banyak ruang memori. Jika anda mahu masukkan lebih banyak gambar dalam telefon anda, anda boleh tukar bilangan piksel untuk menjadikan saiz fail lebih kecil.

1. Tekan **Tetapan** dan pilih **Saiz imej** dari bar alat.
2. Pilih nilai piksel daripada empat pilihan angka (320x240, 640x480, 1280x960).
3. Tekan **OK** untuk menyimpan perubahan anda.

Melihat foto yang disimpan

1. Anda boleh mengakses foto yang anda simpan di dalam mod kamera dan juga dari Skrin utama. Daripada pencari pandangan, hanya tekan **Album**. Daripada Skrin utama, tekan OK , kemudian pilih **Barangan Saya da**n **Imej saya**.
2. Folder Galeri anda, Muat turun imej akan muncul pada skrin.
3. Gunakan kekunci navigasi untuk memilih foto yang anda angin lihat dan pilih **Lihat** untuk membukanya.

Tetapkan satu foto sebagai skrin Laman Utama atau imej Kenalan

Daripada album, pilih imej dan Gunakan sebagai untuk menggunakan imej sebagai skrin Laman Utama atau imej Kenalan.

NOTA: Imej kenalan hanya boleh ditambah pada kenalan yang disimpan dalam telefon anda, bukan kad SIM anda.

Kamera Video

Menangkap video pantas

1 Tekan OK dan pilih **Multimedia**.

2 Pilih **Kamera video**.

3 Halakan lensa kamera ke arah subjek video.

4 Tekan OK untuk mula merakam.

5 **RAKAM** akan muncul pada bahagian bawah sudut kanan pencari pandangan dan pemasa akan menunjukkan panjang video anda.

6 Untuk menjeda video, pilih **Jeda** dan sambung semula dengan memilih **Sambung semula**.

7 Pilih **Henti** untuk menghentikan rakaman.

Selepas anda telah menangkap video

Nama video ditunjukkan bersama-sama pada bahagian bawah skrin dan akan dipaparkan pada bahagian bawah skrin.

Album - Pilih untuk melihat klip video lain dalam album anda. Klip video semasa anda akan disimpan.

Main - Pilih untuk memainkan video yang telah anda rakam.

Baru - Pilih untuk mengambil video baru. Video semasa anda akan disimpan.

Hantar - Pilih untuk menghantar video sebagai **Mesej**, **E-mel** atau **Bluetooth**. Lihat halaman 29 untuk **menghantar mesej**.

Padam - Padam video yang telah anda rakam dan sahkannya dengan memilih Ya. Pencari pandangan akan muncul semula.

Melihat video anda yang disimpan

1 Anda boleh akses video anda yang disimpan sama ada dalam mod kamera video atau Skrin utama. Hanya pilih **Album**. Dari Skrin utama, anda perlu menekan OK , kemudian pilih **Barangan saya** dan **Video saya**.

2 Galeri anda akan muncul pada skrin.

3 Gunakan kekunci navigasi untuk memilih video yang anda ingin lihat dan tekan kekunci OK untuk melihatnya.

Muzik

Muzik

LG KP275 anda mempunyai pemain muzik terbina dalam supaya anda boleh main semua trek muzik kegemaran anda. Untuk mengakses pemain muzik, pilih Muzik daripada menu utama. Dari sini anda boleh mengakses pada sebilangan folder:

Baru Dimainkan - Lihat semua lagu yang telah anda mainkan baru-baru ini.

Semua trek - Mengandungi semua lagu yang anda miliki dalam telefon.

Senarai main - Mengandungi sebarang senarai main yang telah anda buat.

Artis - Semak imbas koleksi muzik anda mengikut artis.

Album - Semak imbas koleksi lagu anda mengikut album.

Genre - Semak imbas koleksi muzik anda mengikut genre.

Susun semula trek - Dengar muzik anda dalam susunan rawak.

Memindahkan muzik pada telefon anda

Cara paling mudah untuk memindahkan muzik pada telefon anda adalah melalui Bluetooth atau kabel segerak. Untuk memindahkan muzik mengguna Bluetooth:

1. Untuk pastikan kedua-dua peranti menghidupkan Bluetooth dan kelihatan pada satu sama lain.
2. Pilih fail muzik pada peranti yang lain dan pilih untuk menghantarkannya melalui Bluetooth.
3. Apabila fail dihantar, anda perlu menerimanya pada telefon anda dengan memilih **Ya**.
4. Fail sepatutnya muncul dalam **Semua trek**.

Memainkan lagu

1. Tekan OK dan pilih **Multimedia**, kemudian pilih **Muzik**.
2. Pilih **Semua trek** kemudian pilih lagu yang anda ingin mainkan. Pilih **Main**.

   Pilih ❚❚ untuk jeda lagu.

   Pilih ▶▶❙ untuk melangkau ke lagu seterusnya.

   Pilih ❙◀◀ untuk melangkau ke lagu sebelumnya.

   Pilih **Undur** untuk menghentikan muzik dan kembali ke menu Semua trek.

PETUA! Untuk menukar kelantangan semasa mendengar muzik, gunakan kekunci navigasi ke atas atau ke bawah.

Muzik

Menggunakan pilihan semasa memainkan muzik

Pilih Pilihan dan Pilih daripada:

Minimumkan - Jadikan skrin pemain muzik anda hilang supaya anda boleh sambung menggunakan telefon anda sebagai normal.

Pergi ke muzik saya - Gerakkan fail ke folder Muzik saya.

Ulang - Ulang trek yang dipilih.

Susun semula - Dengar muzik anda dalam susunan rawak.

Penyama - Tetapkan menu penyama.

Pembayangan - Pilih kesan visual.

Maklumat fail - Lihat butiran ringkas mengenai fail.

Hantar - Hantar lagu sebagai mesej atau Bluetooth.

Gunakan sebagai - Gunakan sebagai lagu sebagai salah satu nada dering anda.

Membuat senarai main

Anda boleh membuat senarai main anda sendiri dengan memilih pilihan lagu dari folder **Semua trek**.

1. Tekan OK dan pilih **Multimedia**.
2. Pilih **Muzik**, kemudian pilih **Senarai main**.
3. Pilih Pilihan dan tekan **Tambah senarai main baru** dan masukkan nama senarai main baru.
   Tekan **Simpan**.
4. Folder **Senarai main baru** akan ditunjukkan. Pilih semua lagu yang anda ingin sertakan dalam senarai main anda dengan menatal padanya dan pilih ☑.
